

PM bimbang rakyat ambil mudah SOP

mls: 2
BH- 21/7/2020

Jangkitan kembali catat dua digit, ramai abai normal baharu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin melahirkan kebimbangannya, melihat semakin ramai rakyat mengambil mudah pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan amalan normal baharu, sehingga menyaksikan negara kini kembali mencatatkan angka dua digit dalam jangkitan COVID-19.

Perdana Menteri menegaskan, amalan normal baharu mesti diteruskan dengan memakai pelitup muka di tempat awam, melaku-

kan penjarakan sosial dan mengelakkan sentuhan badan.

“Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, kejayaan memerangi COVID-19 fasa pemulihan ini bergantung kepada diri kita sendiri. Ia bergantung kepada kesedaran, sikap dan amalan kita.

“Jangan kerana kes COVID-19 semakin berkurangan, kita tidak lagi memakai pelitup muka di tempat awam. Pakailah! Jangan tak pakai.

“Saya selalu berpesan supaya saudara saudari semua elakkan berjabat tangan. Saya tengok sekarang dah ada yang bukan sahaja berjabat tangan, malah berpeluk ketika berjumpa saha-bat-handai dan sanak saudara.

“Ya, itu bagus untuk eratkan persahabatan dan persaudaraan tetapi jangan lupa, kita masih berada pada fasa pemulihan COVID-19. Jadi amalan ini walaupun baik dari segi pergaulan sosial, ia amat tidak baik dari segi usaha untuk melindungi diri sendiri dan orang di sekeliling kita daripada

dijangkiti COVID-19,” katanya.

Perdana Menteri berkongsi kebimbangan itu ketika menyampaikan perutusan khas perkembangan terkini pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) semalam.

Muhyiddin berkata, walaupun negara masih mencatatkan kes COVID-19 yang rendah, beliau bimbang dengan kewujudan 13 kluster baharu sepanjang tempoh PKPP.

Antaranya, adalah kluster dalam kalangan pekerja restoran di Kuala Lumpur yang dilaporkan sejak 6 Julai lalu, kluster Stutong di Sarawak dan kluster berpunca daripada mereka yang pulang dari luar negara.

“Selain itu sejak 7 Julai lalu, terdapat empat kluster dikesan berpunca daripada mereka yang pulang dari luar negara. Kluster itu adalah di Sarawak dengan tiga kes, Melaka (5), Terengganu (3) dan Kuala Lumpur (2).

“Lebih membimbangkan saya, kes positif kembali mencatatkan dua digit sejak beberapa hari lalu. Situasi ini tidak boleh diambil mudah dan sudah pasti rakyat tidak mahu kerajaan kembali melaksanakan *lockdown* jika kes COVID-19 meningkat dengan mendadak.

“Cukuplah tiga bulan kita semua berkurung di rumah untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Ekonomi negara kita terjejas teruk, perniagaan mengalami kerugian dan ramai yang hilang pekerjaan,” katanya.

Beliau turut mengingatkan majikan supaya memastikan pekerja mematuhi SOP di tempat kerja dengan melakukan pemantauan berterusan dan meletakkan notis atau peringatan di tempat yang mudah dilihat.

Di sekolah pula, katanya, pengetua, guru besar, guru, pengawas dan ketua kelas perlu memainkan peranan lebih proaktif mengingatkan murid dan rakan sebaya, supaya sentiasa menjaga

penjarakan sosial serta mematuhi SOP ditetapkan Kementerian Pendidikan.

“Saya juga ingin mengingatkan ketua kampung, imam dan ketua komuniti, supaya menjaga komuniti masing-masing. Ketua kampung bersama ahli jawatankuasa kampung, misalnya boleh buat lawatan atau rondaan ke tempat yang sering dikunjungi penduduk masing-masing.

“Jangan kita lalai dan alpa. Saya nak mengingatkan sekali lagi pandemik COVID-19 masih belum berakhir. Jadi sama-samalah kita beristiqamah dalam mengekalkan kejayaan melawan wabak COVID-19,” katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, jika berlaku peningkatan kes COVID-19 secara mendadak dan memerlukan kerajaan menguatkuasakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia akan memberi impak besar kepada ekonomi negara.

Jelasnya, penutupan semula sektor ekonomi boleh menyebabkan negara kehilangan sekurang-kurangnya RM2 bilion

sehari dan secara langsung menyebabkan kehilangan sumber pendapatan bagi jutaan pekerja di Malaysia.

“Ia juga akan meniadakan usaha kerajaan, sektor swasta dan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang bertujuan untuk memulih dan menjana semula ekonomi.

“Sekiranya PKP terpaksa dikuatkuasakan semula, antara impaknya, termasuk unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka pada 2021 mungkin tidak tercapai.

“Perniagaan terpaksa ditutup semula dan kadar pengangguran di tahap 5.3 peratus pada Mei lalu boleh meningkat secara mendadak. Ini adalah suatu keadaan yang mesti kita elakkan,” katanya.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, jumlah jangkitan COVID-19 di negara ini terus meningkat apabila merekodkan 21 kes baharu, sekali gus menjadikan jumlah kes positif 8,800 kes.

Jangan kerana kes COVID-19 semakin berkurangan, kita tidak lagi memakai pelitup muka di tempat awam. Pakailah! Jangan tak pakai.

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri



Ibadat & Fadilat

Berita dari Ibnu Umar r.a. mengatakan bahawa Rasulullah saw. bersabda: “Apabila makan malam telah dihidangkan, dan qamat untuk solat telah diucapkan, dahulukanlah makan malam dan jangan terburu-buru hingga kamu selesai makan.” (HR al-Bukhari)

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---------------|-------|-------|------|---------|-------|
| Kangar | 5:58 | 1:28 | 4:50 | 7:40 | 8:54 |
| Alor Setar | 5:58 | 1:27 | 4:51 | 7:39 | 8:54 |
| P. Pinang | 6:01 | 1:27 | 4:51 | 7:38 | 8:52 |
| Ipoh | 6:00 | 1:25 | 4:49 | 7:34 | 8:49 |
| Kuala Lumpur | 5:59 | 1:22 | 4:46 | 7:31 | 8:44 |
| Shah Alam | 5:59 | 1:22 | 4:46 | 7:31 | 8:44 |
| Johor Bahru | 5:52 | 1:14 | 4:37 | 7:19 | 8:33 |
| Kuantan | 5:53 | 1:17 | 4:40 | 7:24 | 8:38 |
| Seremban | 5:58 | 1:21 | 4:44 | 7:27 | 8:41 |
| Bandar Melaka | 5:58 | 1:20 | 4:43 | 7:26 | 8:40 |
| Kota Bharu | 5:52 | 1:20 | 4:43 | 7:32 | 8:42 |
| K. Terengganu | 5:49 | 1:16 | 4:39 | 7:26 | 8:41 |
| Kota Kinabalu | 4:59 | 12:24 | 3:47 | 6:35 | 7:50 |
| Kuching | 5:27 | 12:49 | 4:12 | 6:54 | 8:08 |